

21/05/1999

Ekonomi negara catat prestasi baik: PM

EKONOMI Malaysia mencatatkan prestasi baik, terutama berdasarkan prestasi menggalakkan pelbagai indeks ekonomi di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Indeks-indeks itu termasuk Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kedudukan perdagangan luar dan indeks pengeluaran perindustrian.

Indeks Komposit BSKL meningkat sebanyak lebih daripada 200 mata dalam tempoh dua bulan lalu, untuk melepasi paras 700 mata.

Bercakap kepada pemberita selepas mengumumkan rombakan kecil Kabinet di Kuala Lumpur semalam, Perdana Menteri berkata, pertumbuhan bagi suku pertama tahun ini masih dalam anggaran.

"Ia berada dalam sasaran unjuran kita dan akan menyumbang kepada ramalan pertumbuhan satu peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (bagi keseluruhan tahun ini)," katanya ketika diminta mengulas mengenai status semasa ekonomi negara.

Beliau bagaimanapun, tidak memberikan sebarang angka khusus bagi suku tahunan pertama.

Sementara itu, Bernama melaporkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia bagi suku pertama mungkin melihat peningkatan ketara daripada penguncupan 8.1 peratus yang dicatatkan pada suku terakhir 1998.

Ahli ekonomi menjangka ekonomi akan merosot antara dua hingga tiga peratus pada Januari hingga Mac, sementara suku kedua akan menunjukkan kejatuhan lebih rendah, diikuti oleh KDNK yang positif dalam separuh kedua tahun ini.

Seorang ahli ekonomi lain meramalkan suku pertama KDNK akan menurun sebanyak 2.7 peratus dan kesan reflasi ekonomi (peningkatan harga barangan dan perkhidmatan) dengan pencurahan mudah tunai ke dalam sistem perbankan hanya lebih ketara daripada suku kedua dan seterusnya.

Beliau berkata, unjurannya 2.7 peratus timbul daripada pertumbuhan positif sektor pertanian dan perkhidmatan tetapi ini diimbangi oleh kejatuhan dalam pembuatan, perlombongan dan pembinaan.

(END)